

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 14/2024

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhamad Shahrudin

Nadiyah Yahyauddin

IN THIS ISSUE:

- * Fun With Language
- * Written Articles
- * APB Rembau Activities (March to October 2024)

**LAPORAN PENYERTAAN
KAKITANGAN PUSAT PENGAJIAN
SAINS MAKLUMAT, KOLEJ
PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN,
INFORMATIK DAN MATEMATIK
(PPSMKPPIM), UiTM CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU
DALAM PROGRAM SAMBUTAN
MAULIDURRASUL 1446 HIJRAH**

Ditulis oleh: Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli

Pada tarikh 12 September 2024, bersamaan hari Khamis, bermula pada lebih kurang pukul 9 pagi sehingga lebih kurang pukul 1 petang, seramai 5 orang kakitangan PPSMKPPIM, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau telah menyertai program sambutan Maulidurrasul 1446 Hijrah peringkat UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang diadakan di Kampus Rembau.

Kakitangan PPSMKPPIM yang terlibat menyertai program ini ialah Prof. Madya Dr. Masitah binti Ahmad, Puan Noor Faraliza binti Samsudin, Encik Mohd Naim bin Mohd Nasfi, Encik Mohd Ridzuan bin Ibrahim dan Encik Ahmad Azman bin Mohamad Ramli. Kesemua kakitangan lelaki mengenakan pakaian baju Melayu dan kakitangan wanita berpakaian baju kurung.

Program ini disertai oleh pelbagai bahagian dan unit dalam UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Program dimulai dengan aktiviti di luar dewan iaitu perarakan oleh

para peserta di sekitar Kampus Rembau. Aktiviti seterusnya ialah aktiviti di dalam dewan iaitu alunan selawat dan qasidah oleh para peserta, ceramah agama oleh penceramah jemputan, dan penyampaian hadiah.



Gambar 1: Pasukan perarakan *Association of UiTM Rembau Academicians (AURA)*

Turut diadakan dalam program ini ialah pertandingan pasukan terbaik perarakan. Keputusannya ialah tempat pertama dimenangi oleh pasukan Hal Ehwal Pelajar, tempat kedua oleh pasukan Syarikat BMES dan tempat ketiga oleh pasukan Perpustakaan Tun Abdul Razak.



Gambar 2: Pasukan AURA di dalam Dewan Biduanda

Program meriah ini diakhiri dengan majlis makan tengah hari di Dewan Biduanda.